

PENGAMALAN MASYARAKAT TERHADAP AKIKAH MENURUT HADIS-HADIS DALAM KITAB SAHIH BUKHARI

Mohd Norzi bin Nasir
mohdnorzi@kuis.edu.my
Mohd Nasiruddin bin Mohd Asri
nasirrabbani94@gmail.com
Mohd Ikram bin Mohd Nawawi
ikramnawawi@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Islam sememangnya menitikberatkan amalan yang mulia dan agama yang syumul, sesuai dengan amalan dan 'uruf manusia. Begitu juga dengan pengamalan akikah. Kertas kerja ini akan membahaskan tentang pengamalan masyarakat terhadap akikah menurut hadis-hadis dalam kitab Sahih Bukhari. Keseluruhan kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, menerusi instrumen kajian kepustakaan dan analisis dokumen iaitu biografi pengarang, kitab dan hadis-hadis berkaitan akikah dalam kitab Sahih Bukhari. Temubual bersama beberapa informen dilakukan bagi mengetahui pengamalan masyarakat terhadap akikah berdasarkan hadis-hadis baginda saw. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan informen mengetahui maksud akikah dan hukum yang rajih terhadap pelaksanaannya iaitu sunat muakkad. Namun didapati kebanyakan amalan akikah jarang dilakukan pada hari yang ketujuh sebagaimana perlakuan baginda SAW kerana bergantung kepada situasi kewangan. Pengamalan terhadap semua yang diucapkan dan dilakukan oleh baginda SAW melalui hadis-hadis yang sahih sewajarnya difahami oleh umat Islam agar kehidupan muslim sepanjang zaman dapat dibina melalui acuan dan pengamalan hidup yang berpaksikan al-Quran dan al-Sunnah.

Kata Kunci: Pengamalan, Masyarakat, Akikah, Hadis, Sahih Bukhari.

1. KONSEP AKIKAH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

1.1 Definisi Akikah

Perkataan akikah itu berasal daripada 'aqqu-'uqqun-wa'uqūqan yang bermaksud memutus, mengoyak dan membelah (Misbakhul Arifin, 2014). Dari segi bahasa, akikah berasal daripada perkataan al-'Aqqu yang bermaksud potong. Menurut Abdullah Nasih Ulwan (2015), antara contoh penggunaan kalimah tersebut adalah 'aqqa walidaihi iaitu menderhakai ibubapa. Menderhakai ibubapa bermaksud memotong hubungan dengan mereka berdua. Seorang penyair menggunakan perkataan ini dengan maksud memotong, seperti berikut :

*Negeri di mana pemudanya memotong tangkal-tangkalku,
Bumi yang pertama kulitku bersentuhan dengan tanahnya.*

Manakala menurut Nafilatul Ilmiyyah (2016), definisi akikah ialah haiwan sembelihan untuk anak yang baru lahir. Perkataan akikah berasal dari bahasa Arab iaitu al-aiqah yang bermaksud rambut yang tumbuh di atas kepala bayi sejak dalam perut ibunya hingga pada saat dilahirkan. Menurut al-Zamakhsyari, perkataan tersebut merupakan istilah yang diambil dari makna asal 'rambut si bayi' (Nafilatul Ilmiyyah, 2016).

Bagi definisi akikah menurut istilah pula, Abdullah Nasih Ulwan (2015) mendefinisikan akikah menurut istilah dengan menyembelih kambing untuk anak yang dilahirkan pada hari ketujuh daripada hari kelahirannya. Definisi yang didatangkan oleh beliau ini adalah seiring dengan definisi yang didatangkan oleh Sulaiman Rasyid (1991) cuma ditambahkan beberapa ayat daripada yang asal iaitu “baik yang lelaki dan perempuan”. Dr. Wahbah al-Zuhaili telah mendefinisikan akikah dalam kitabnya, *Fiqh al-Islam wa Adillatuhu* :

والعقيقة : الذبيحة التي تذبح عن المولود، يوم أسبوعه. والأصل في معناها اللغوي : أنها الشعر الذي على المولود، ثم أسمت العرب الذبيحة عند حلق شعر المولود عقيقة، على عادتهم في تسمية الشيء باسم سببه، أو ما يجاوره.

Maksudnya :

Dan akikah bermaksud : haiwan sembelihan yang disembelih untuk bayi yang baru lahir, pada hari ketujuh selepas kelahirannya. Dan asal dari makna bahasa akikah : Sesungguhnya ia adalah rambut yang ada pada bayi, maka orang-orang Arab menamakan pada haiwan yang disembelih ketika mencukur rambut pada bayi yang baru lahir itu dengan nama akikah, menurut kebiasaan penamaan sesuatu dilihat dari penyebabnya, atau sesuatu yang menyamainya.

Terdapat pendapat lain yang mengatakan, akikah adalah binatang yang disembelih untuk bayi yang baru lahir sebagai ungkapan rasa syukur kepada Allah SWT, melalui niat dan syarat yang tertentu (Misbakhul Arifin. 2014). Jika diteliti dalam kitab terjemahan al-Fiqh al-Manhaji, yang dikarang oleh Dr. Zulkifli al-Bakri, akikah dari segi syara' ialah binatang yang disembelih sempena rambut bayi dicukur. Sembelihan tersebut dinamakan akikah kerana ia dipotong dan dilapah. Justeru, perkataan akikah itu sunat disebut ibadah akikah atau sembelihan akikah. Hal ini berdasarkan hadith, Nabi SAW ketika ditanya tentang perkataan akikah:

لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْعُقُوقَ

Maksudnya :

“Allah tidak suka perkataan al-‘Uquq yang bermaksud derhaka.”

(Hadith Riwayat Abu Daud)¹

¹ Abu Dawud, Sulaiman as-Sijistani, Sunan Abi Daud, Kitab *al-Dahāyā*, Bab *Fi al-Akīkah*, Cetakan Dar al-Salam, No hadith : 2842, Hlm. 413.

Hadith tersebut seolah-olah menunjukkan Nabi SAW tidak menyukai sebutan akikah sahaja. Baginda SAW bersabda:

مَنْ وُلِدَ لَهُ وَلَدٌ، فَأَحَبُّ أَنْ يَنْسُكَ عَنْهُ فَلْيَنْسُكْ

Maksudnya :

“Barangsiapa yang dikurniakan anak dan ingin melakukan ibadah untuknya, maka lakukanlah ibadah akikah”.

(Hadith Riwayat Abu Dawud)

1.2 Hukum Melaksanakan Akikah

Menurut as-Syaukani (t.t), sebahagian ulama telah menetapkan perlaksanaan akikah itu merupakan suatu keharusan yang tidak boleh ditinggalkan, dengan alasan bahawa bayi yang dilahirkan itu statusnya masih perlu digadaikan dengan akikah. Ini bermaksud bayi tersebut tidak boleh diberi nama dan tidak boleh dicukur bersih rambutnya sebelum dilakukan majlis akikah dengan menyembelih haiwan untuk diakikah. Oleh kerana itu, Imam Ahmad bin Hanbal berpendapat bahawa bayi yang meninggal terlebih dahulu sebelum dilaksanakan padanya akikah, maka bayi tersebut tidak dapat memberi syafa'at kepada kedua ibubapanya. Menurut Arfah Ibrahim (2015), pendapat tersebut dikuatkan lagi dengan pendapat golongan Zahiriyyah yang telah menetapkan kewajipan untuk segera melaksanakan akikah.

Selain daripada itu, Zulkifli Mohamad al-Bakri (2015) ada menyatakan dalam kitab terjemahan bagi al-Fiqh al-Manhaji bahawa hukum akikah ialah sunat muakkad. Oleh kerana itu, wali yang menanggung bayi tersebut dituntut melakukannya kerana mengikut perbuatan Rasulullah SAW dan para sahabat baginda. Hal ini berdasarkan hadith daripada Salman bin Amir al-Dhabbi r.a. katanya, beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَعَ الْعُلَامِ عَقِيْقَةٌ ، فَأَهْرِيْقُوا عَنْهُ دَمًا ، وَأَمِيْطُوا عَنْهُ الْأَذَى

Maksudnya :

“Bersama-sama kelahiran bayi, ada akikahnya. Oleh itu, tumpahkanlah darah akikah bagi pihaknya dan buanglah kekotoran dan najis daripadanya”.

(Hadith Riwayat Bukhari)

Ulama tidak mengatakan hukum akikah itu wajib, kerana pertumpahan darah akikah adalah sebagaimana ibadah qurban, bukan kerana jenayah atau bernazar. Hal ini juga berdasarkan hadith Nabi Muhammad SAW bersabda:

مَنْ وُلِدَ لَهُ وَلَدٌ، فَأَحَبُّ أَنْ يَنْسُكَ عَنْهُ فَلْيَنْسُكْ

Maksudnya:

“Barangsiapa yang dikurniakan anak dan ingin melakukan ibadah untuknya, maka lakukanlah ibadah akikah”.

(Hadith Riwayat Abu Daud)²

Manakala menurut Abdullah Nasih Ulwan (2015), beliau menyatakan bahawa para fuqaha dan imam-imam mujtahidin terbahagi kepada tiga pendapat dalam menjelaskan bentuk pensyariatan akikah :

a. Sunat

Mereka adalah Imam Malik, penduduk Madinah, Imam as-Syafi’e dan pengikut-pengikutnya, Imam Ahmad, Ishaq, Abu Thur dan sekumpulan besar bilangannya daripada kalangan ahli ilmu fiqh dan ijtihad. Hujah mereka adalah hadith-hadith yang disebutkan sebelum ini. Mereka juga menolak hujah yang mengatakan akikah hukumnya wajib dengan kenyataan bahawa Al-Quran dengan jelas menjelaskan anak dibinkan kepada bapanya dan bukan kepada ibunya. Di mana Allah SWT menerangkan dalam surah al-Ahzab, ayat 5 :

أَدْعُوهُمْ لِآبَائِهِمْ

Maksudnya :

“Panggillah anak-anak angkat itu dengan nama bapa-bapa mereka sendiri...”

Sekiranya hukumnya adalah wajib, sudah pasti kewajibannya diketahui dalam agama. Ibadah yang wajib adalah keperluan dan tidak dapat dielakkan oleh sesiapa. Oleh itu sudah pasti Rasulullah SAW menjelaskan kewajibannya kepada umatnya secara umum dan mencukupi sehingga dapat ditegakkan hujah dan tidak diterima sebarang kezuran. Rasulullah SAW menjelaskan perintah akikah adalah berdasarkan kesukaan ataupun kehendak pelakunya, baginda SAW menjelaskan, “Sesiapa dikurniakan anak dan suka mengakikahkannya, hendaklah dia melakukannya”. Cara Rasulullah SAW melakukannya tidak menunjukkan ia wajib bahkan hanya sunat.

b. Wajib

Mereka adalah Imam Hasan al-Basri, al-Laith bin Saad, dan lain-lain. Hujah mereka berdasarkan hadith yang direkodkan oleh Buraidah dan Ishak bin Rahuwaih :

“Pada hari kiamat, manusia akan ditayangkan dengan akikah sepertimana mereka ditayangkan solat lima waktu.”

Mereka turut beristidlal dengan hadith al-Hasan bin Samurah r.a., daripada Nabi Muhammad SAW yang menjelaskan :

“Setiap kanak-kanak tergadai dengan akikahnya.”

² Abu Dawud, Sulaiman as-Sijistani, Sunan Abi Daud, Kitab *al-Dahāyā*, Bab *Fi al-Akīkah*, Cetakan Dar al-Salam, No hadith : 2842, Hlm. 413.

Bentuk istidlalnya adalah anak-anak tidak dibenarkan memberi syafaat kepada kedua-dua ibubapanya sehinggalah dia diakikahkan. Ini menunjukkan kewajipan akikah.

c. Menafikan pensyariatannya

Mereka adalah para fuqaha mazhab Hanafi. Hujah mereka adalah berdasarkan hadith yang direkodkan oleh Imam al-Baihaqi, daripada Amru bin Syuaib, daripada ayahnya, daripada datuknya, Rasulullah SAW pernah ditanya tentang akikah, lalu baginda SAW menjawab, “Saya tidak menyukai u’quq”. Selain itu, mereka juga berhujah dengan hadith yang direkodkan oleh Imam Ahmad daripada hadith Abu Rafi’ r.a. dimana ibu Hasan bin Ali r.a. iaitu Fatimah r.a. ingin mengakikahkannya dua ekor biri-biri jantan, lalu Rasulullah SAW berkata, “Jangan kamu mengakikahkan tetapi cukurlah rambutnya, dan dermakanlah perak mengikut berat rambut”. Kemudian Husain dilahirkan, dan Fatimah r.a. melakukan seperti begitu.

Kesimpulannya, mengakikahkan anak adalah amalan sunat mengikut pendapat jumhur imam dan fuqaha. Maka seorang bapa yang dikurniakan anak dan berkemampuan, harus menghidupkan sunnah Rasulullah SAW dengan harapan memperoleh fadhilat dan keutamaan di sisi Allah SWT. Semoga dengan menjayakan sunnah akikah ini, Allah SWT menambahkan lagi kemesraan, kasih sayang, dan mengukuhkan lagi pertalian antara keluarga, sanak saudara, jiran tetangga dan rakan-rakan, iaitu ketika menghadiri majlis kenduri akikah sambil berkongsi kegembiraan kedatangan insan baru di dunia ini. Ini juga dapat membantu meningkatkan semangat bantu-membantu sesama masyarakat yang mana sembelihan akikah ini dapat dikongsi bersama mereka, juga kepada golongan fakir miskin, dan sebagainya.

1.3 Waktu Melaksanakan Akikah

Waktu harus melaksanakan akikah untuk bayi bermula setelah kesemua tubuh bayi itu keluar daripada perut ibunya. Jika binatang yang sudah ingin diniatkan oleh bapa untuk disembelih, sudah disembelih sebelum tubuh bayi habis keluar daripada perut ibunya, maka sembelihan itu tidak dinamakan akikah dan ia dianggap sembelihan biasa (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2015). Hukum sunat akikah itu berterusan sehingga bayi itu baligh. Setelah dia baligh, gugurlah tuntutan ke atas walinya untuk dilaksanakan akikah. Malah, lebih baik dia sendiri melakukan akikah yang tertinggal itu. Walau bagaimanapun, penyembelihan akikah adalah sunat dilakukan pada hari ketujuh kelahiran bayi itu. Ini berdasarkan hadith daripada Samurah r.a., Nabi SAW bersabda :

الْعُلَامُ مَرْتَهَنٌ بِعَقِيْقَتِهِ، يُدْبِحُ عَنْهُ يَوْمَ السَّابِعِ، وَيُسَمَّى وَيُحَلِّقُ رَأْسَهُ

Maksudnya :

“Bayi itu tertebus dengan akikahnya, disembelih akikah pada hari yang ketujuh kelahirannya, diberikan nama dan dicukur rambutnya.”

(Hadith Riwayat Abu Daud)

Maksud tertebus dengan akikahnya ialah tumbesarnya yang baik dan pemeliharaannya yang sempurna, bergantung kepada sembelihan akikahnya. Abdullah Nasih Ulwan (2015) juga

menyatakan bahawa akikah sunat dilakukan pada hari ketujuh berdasarkan hadith seperti di atas. Perkara ini disokong hujahnya dengan hadith Abdullah bin Wahab, daripada Saidatina Aisyah r.a., beliau berkata :

“Rasulullah SAW mengakikahkan Hasan dan Husain pada hari ketujuh, memberi nama dan menyuruh supaya mencukur rambut mereka.”

Walaupun begitu, ada pendapat yang mengatakan penetapan hari ketujuh untuk akikah bukan kewajipan tetapi sekadar sunat. Sekiranya tidak dapat dilakukan pada hari ketujuh, hari keempat, kelapan, ke-10 ataupun selepasnya, akikahnya tetap diterima. Pernyataan ini disokong oleh beberapa hadith, antaranya :

1. Al-Maimuni menyatakan, beliau berkata kepada Abu Abdullah, “Bilakah anak diakikahkan?”, beliau menjawab, “Saidatina Aisyah r.a. pernah berkata, ‘tujuh hari, 14 hari, dan 21 hari.’”
2. Saleh bin Ahmad pula mengatakan, ayahnya berkata tentang akikah, “Kambing akikah disembelih pada hari ketujuh, sekiranya tidak, pada hari ke-14, sekiranya tidak, pada hari ke-21.”
3. Imam Malik berkata, “Apa yang jelasnya, penetapan hari ketujuh adalah sunat. Sekiranya tidak pada hari ketujuh, seperti hari keempat, kelapan, ke-10 ataupun selepas itu, akikahnya diterima.”

Kesimpulannya, seandainya para bapa mempunyai kemampuan untuk melakukan akikah pada hari ketujuh, lakukanlah kerana ia lebih afdal. Ini adalah disebabkan Rasulullah SAW sendiri melakukannya pada hari ketujuh. Namun, sekiranya tidak berkemampuan untuk dilaksanakan akikah pada hari ketujuh, lakukanlah pada bila-bila masa sepertimana yang diperjelaskan oleh Imam Malik. Berusaha untuk laksanakan akikah walau apa jua cara sekalipun, kerana ia adalah sunnah Rasulullah SAW yang besar manfaatnya untuk anak yang baru dilahirkan.

1.4 Hikmah Pensyariatan Akikah

Menurut Zulkifli Mohd al-Bakri (2015), pensyariatan akikah mengandungi beberapa rahsia yang istimewa, banyak kebaikan dan faedahnya. Antaranya ialah :

- a. Menyatakan rasa gembira ibubapa yang dikurniakan anak, yang dimudahkan kelahirannya oleh Allah SWT. Anak ialah kesayangan ibubapa. Sepatutnya, mereka bersyukur kepada Allah yang mengurniakan nikmat tersebut. Ini berdasarkan firman Allah SWT :

وَإِنْ تَشْكُرُوا يَرْضَهُ لَكُمْ

Maksudnya :

“Dan jika kamu bersyukur, ia meredhainya menjadi sifat dan amalan kamu...”³

³ Surah al-Zumar, ayat 7.

- b. Menyebarkan berita tentang keturunan anak yang dilahirkan secara terang-terangan supaya tidak timbul prasangka. Oleh itu, penyembelihan akikah adalah cara terbaik untuk tujuan tersebut.
- c. Menyuburkan sifat pemurah dan baik hati di kalangan manusia serta tindak tanduk kepada nafsu yang mengajak kepada sifat bakhil. Ini adalah berdasarkan firman Allah SWT :

وَأَحْضَرَتِ الْأَنْفُسُ الشُّحَّ

Maksudnya :

“Sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur), itu memang tabiat semula jadi yang ada pada manusia...”⁴

- d. Menggembirakan hati keluarga, kaum kerabat, sahabat handai dan orang fakir kerana mereka dijemput ke majlis jamuan makan. Pertemuan di majlis tersebut sudah tentu menimbulkan rasa kasih sayang dan mesra yang dituntut oleh Islam.

2. HADIS -HADIS BERKAITAN AKIKAH DALAM SAHIH BUKHARI

Pengkaji menggunakan kitab Sahih Bukhari yang dicetak oleh Maktabah Fayyadh, dimana penomboran hadis-hadis dalam Sahih Bukhari dilakukan oleh Muhammad Fuad Abdul Baqi. Kitab ini dijadikan rujukan bagi pengkaji untuk membuat analisa terhadap sanad dan matan mengikut nombor hadis yang tersedia supaya rujukan dalam penomboran hadis adalah selaras dan tersusun.

Setelah diperhatikan, hadis-hadis berkaitan akikah yang terkandung di dalam Sahih Bukhari adalah sebanyak lapan hadis. Mempunyai empat bab di bawah kitabnya dimana empat hadis dalam bab yang pertama, dua hadis dalam bab yang kedua, satu hadis dalam bab yang ketiga dan satu hadis dalam bab yang keempat.

Lapan hadis yang berkaitan dengan akikah yang terdapat dalam Sahih Bukhari tersebut beserta sanadnya ialah :

- a. Hadith daripada Abu Musa r.a.

حَدَّثَنِي إِسْحَاقُ بْنُ نَصْرٍ حَدَّثَنَا أَبُو أُسَامَةَ قَالَ : حَدَّثَنِي بُرَيْدٌ عَنْ أَبِي بُرْدَةَ
عَنْ أَبِي مُوسَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ وَوُلِدَ لِي غُلَامٌ ، فَأَتَيْتُ بِهِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَمَّاهُ إِبْرَاهِيمَ ، فَحَنَنْكُهُ بِتَمْرَةٍ ، وَدَعَا لَهُ بِالْبُرْكَاتِ وَدَفَعَهُ إِلَيَّ ،
وَكَانَ أَكْبَرَ وَوَلَدَ أَبِي مُوسَى

⁴ Surah al-Nisa', ayat 128.

Maksudnya :

Ishaq bin Nasr telah berkata kepadaku, Abu Usamah telah berkata kepada kami katanya : Buraid telah berkata kepadaku daripada Abu Burdah daripada Abu Musa r.a. katanya “aku dikurniakan seorang anak lelaki, dan aku membawanya menemui Nabi SAW maka baginda menamakannya Ibrahim, kemudian baginda mentahniknya dengan tamar, dan mendoakan untuknya keberkatan dan menyerahkan ia kembali padaku, dan sesungguhnya ia adalah anak sulung Abu Musa.”

(Hadith Riwayat Bukhari)

b. Hadith daripada Aisyah r.a.

حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ هِشَامٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا
قَالَتْ أُتِيَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِصَبِيٍّ يُحْنِكُهُ ، فَبَالَ عَلَيْهِ ، فَاتَّبَعَهُ
الْمَاءَ

Maksudnya :

Musaddad telah berkata kepada kami, Yahya telah berkata kepada kami daripada Hisham daripada ayahnya daripada Aisyah r.a. katanya “didatangkan kepada Nabi SAW seorang bayi untuk ditahnikkan, ketika bayi itu kencing, beliau memerciknya dengan air.”

(Hadith Riwayat Bukhari)

c. Hadith daripada Asma' Binti Abu Bakar.

حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ نَصْرِ حَدَّثَنَا أَبُو أُسَامَةَ حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ
أَسْمَاءَ بِنْتِ أَبِي بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّهَا حَمَلَتْ بِعَبْدِ اللَّهِ بْنِ الزُّبَيْرِ بِمَكَّةَ
قَالَتْ فَخَرَجْتُ وَأَنَا مُتَمِّمٌ ، فَأَتَيْتُ الْمَدِينَةَ فَنَزَلْتُ قُبَاءً فَوَلَدْتُ بِقُبَاءٍ ، ثُمَّ
أَتَيْتُ بِهِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَوَضَعْتُهُ فِي حَجْرِهِ ، ثُمَّ دَعَا
بَتَمْرَةٍ فَمَضَعَهَا ، ثُمَّ تَفَلَ فِي فِيهِ فَكَانَ أَوَّلَ شَيْءٍ دَخَلَ حَوْفَهُ رِيقُ رَسُولِ
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ حَنَّكَهُ بِالتَّمْرَةِ ، ثُمَّ دَعَا لَهُ فَبَرَكَ عَلَيْهِ ، وَكَانَ
أَوَّلَ مَوْلُودٍ وُلِدَ فِي الْإِسْلَامِ ، فَفَرِحُوا بِهِ فَرَحًا شَدِيدًا ، لِأَنَّهُمْ قِيلَ لَهُمْ إِنَّ
الْيَهُودَ قَدْ سَحَرْتَكُمْ فَلَا يُوَلَّدُ لَكُمْ

Maksudnya :

Ishaq bin Nasr telah berkata kepada kami, Abu Usamah telah berkata kepada kami, Hisham bin Urwah telah berkata kepada kami daripada ayahnya daripada Asma' binti Abu Bakar r.anhuma bahawasanya beliau hamil (hasil hubungan) dengan Abdullah bin Zubair di Mekah katanya "Maka aku keluar, menuju ke Madinah dan singgah di Quba' dan aku beranak (bersalin) di Quba', kemudian aku bawakan ia (anakku) pada Rasulullah SAW maka diletakkan ia ke atas pangkuan Nabi, kemudian Nabi meminta diambilkannya buah kurma lalu mengunyahnya, kemudian memasukkan ia ke dalam mulut bayiku maka pertama kali yang masuk ke dalam perutnya adalah air liur Rasulullah SAW kemudian ditahnikkannya dengan buah tamar, kemudian mendoakan keberkatan ke atasnya, dan adalah ia anak yang pertama lahir dalam Islam, maka bergembiralah mereka (dengan kelahiran anak tersebut) dengan perasaan gembira yang teramat sangat, ini kerana telah dikatakan pada mereka 'Sesungguhnya orang-orang Yahudi telah menyihir kalian sehingga kalian tidak akan mendapat anak'."

(Hadith Riwayat Bukhari)

d. Hadith daripada Anas Bin Malik r.a.

حَدَّثَنَا مَطَرُ بْنُ الْفَضْلِ حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ هَارُونَ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَوْنٍ عَنْ
أَنْسِ بْنِ سِيرِينَ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ كَانَ ابْنُ لَأْبِي طَلْحَةَ
يَشْتَكِي ، فَخَرَجَ أَبُو طَلْحَةَ ، فَقَبِضَ الصَّبِيَّ فَلَمَّا رَجَعَ أَبُو طَلْحَةَ قَالَ مَا
فَعَلَ ابْنِي قَالَتْ أُمُّ سُلَيْمٍ هُوَ أَسْكَنُ مَا كَانَ . فَقَرَّبَتْ إِلَيْهِ الْعِشَاءَ فَتَعَشَى ،
ثُمَّ أَصَابَ مِنْهَا ، فَلَمَّا فَرَغَ قَالَتْ وَارِ الصَّبِيَّ . فَلَمَّا أَصْبَحَ أَبُو طَلْحَةَ أَتَى
رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَخْبَرَهُ فَقَالَ : « أَعْرَسْتُمُ اللَّيْلَةَ ؟ » . قَالَ
نَعَمْ . قَالَ : « اللَّهُمَّ بَارِكْ لَهُمَا » . فَوَلَدَتْ غُلَامًا قَالَ لِي أَبُو طَلْحَةَ احْفَظْهُ
حَتَّى تَأْتِيَ بِهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَتَى بِهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
وَأَرْسَلَتْ مَعَهُ بَتَمَرَاتٍ ، فَأَخَذَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : « أَمَعَهُ
شَيْءٌ » . قَالُوا نَعَمْ تَمَرَاتٌ . فَأَخَذَهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَمَضَعَهَا ،
ثُمَّ أَخَذَ مِنْ فِيهِ فَجَعَلَهَا فِي فِي الصَّبِيِّ ، وَحَنَّكَهُ بِهِ ، وَسَمَّاهُ عَبْدَ اللَّهِ .

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي عَدِيٍّ عَنْ ابْنِ عَوْنٍ عَنْ مُحَمَّدٍ عَنْ
أَنْسٍ وَسَاقَ الْحَدِيثَ.

Maksudnya :

Mathar bin Fadl telah berkata kepada kami, Yazid bin Harun telah berkata kepada kami, Abdullah bin 'Aun telah mengkhabarkan kepada kami daripada Anas bin Sirin daripada Anas bin Malik r.a. katanya adalah anak Abu Talhah sedang sakit, Maka Abu Talhah pergi ke luar, anaknya meninggal. Dan ketika Abu Talhah kembali ia bertanya, "Bagaimana keadaan anakku ?", Ummu Sulaim menjawab, "Dia lebih tenang dari sebelumnya". Kemudian Ummu Sulaim menyediakan makan malam, maka Abu Talhah pun makan malam kemudian bersetubuh dengannya (Ummu Sulaim). Setelah selesai (dari jima) Ummu Sulaim berkata, "Anakmu telah dikuburkan". Maka diwaktu pagi, Abu Talhah mendatangi Rasulullah SAW dan memberitahu kejadian tersebut. Baginda bertanya, "Pada malam semalam kalian menjadi pengantin ?", Abu Talhah menjawab, "Ya". Baginda pun berdoa : "Wahai Tuhanku, berkatilah mereka berdua". Maka Ummu Sulaim dikurniakan anak, berkata kepada Abu Talhah, "Jagalah ia sehingga engkau bawa ia kepada Nabi SAW", maka bayi tersebut dibawakan kepada Nabi SAW dan bersama-sama dengannya buah tamar, maka Nabi SAW mengambil bayi tersebut dan berkata : "Apakah terdapat apa-apa bersama ia ?". Mereka berkata ya, beberapa butir kurma. Maka Nabi SAW mengambil buah tamar tersebut dan mengunyahnya, kemudian dikeluarkan daripada mulutnya dan memasukkan ia ke dalam mulut bayi tersebut, dan mentahnikknya, dan menamakan bayi tersebut Abdullah." Muhammad bin al-Muthanna telah berkata kepada kami, Ibnu Abu Ady telah berkata kepada kami daripada Ibnu 'Aun daripada Muhammad daripada Anas lalu beliau menyebutkan hadis tersebut.

(Hadith Riwayat Bukhari)

e. Hadith daripada Salman Bin 'Amir

حَدَّثَنَا أَبُو التُّعْمَانِ حَدَّثَنَا حَمَادُ بْنُ زَيْدٍ عَنْ أَيُّوبَ عَنْ مُحَمَّدٍ عَنْ سَلْمَانَ
بْنِ عَامِرٍ قَالَ مَعَ الْعُلَامِ عَقِيْقَةٌ. وَقَالَ حَجَّاجٌ حَدَّثَنَا حَمَادٌ أَخْبَرَنَا أَيُّوبُ
وَقَتَادَةُ وَهَشَامٌ وَحَبِيبٌ عَنْ ابْنِ سِيرِينَ عَنْ سَلْمَانَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ. وَقَالَ غَيْرٌ وَاحِدٍ عَنْ عَاصِمٍ وَهَشَامٍ عَنْ حَفْصَةَ بِنْتِ سِيرِينَ عَنْ
الرَّبَابِ عَنْ سَلْمَانَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. وَرَوَاهُ يَزِيدُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ

عَنْ ابْنِ سِيرِينَ عَنْ سَلْمَانَ قَوْلَهُ. وَقَالَ أَصْبَغُ أَخْبَرَنِي ابْنُ وَهْبٍ عَنْ جَرِيرِ بْنِ حَازِمٍ عَنْ أَيُّوبَ السَّخْتِيَانِيِّ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ سِيرِينَ حَدَّثَنَا سَلْمَانُ بْنُ عَامِرِ الضَّبِّيُّ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : « مَعَ الْعُلَامِ عَقِيْقَةٌ ، فَأَهْرِيقُوا عَنْهُ دَمًا وَأَمِيطُوا عَنْهُ الْأَذَى »

Maksudnya :

Abu Nu'man telah berkata kepada kami, Hammad bin Zaid telah berkata kepada kami daripada Ayyub daripada Muhammad daripada Salman bin 'Amir katanya bersama-sama kelahiran bayi ada aqiqah. Dan berkata Hajjaj, Hammad telah berkata kepada kami, Ayyub dan Qatadah dan Hisham dan Habib telah mengkhabarkan kepada kami daripada Ibnu Sirin daripada Salman daripada Nabi SAW. Dan telah berkata ramai perawi daripada 'Asim dan Hisham daripada Hafsa binti Sirin daripada al-Rabab daripada Salman daripada Nabi SAW. Dan Yazid bin Ibrahim meriwayatkan daripada Ibnu Sirin daripada Salman katanya. Dan Asbaghu berkata, Ibnu Wahb telah mengkhabarkan kepadaku, daripada Jarir bin Hazim, daripada Ayyub as-Syakhtiyani daripada Muhammad bin Sirin, Salman bin Amir ad-Dhabbi telah berkata kepada kami katanya aku mendengar Rasulullah SAW bersabda : "Bersama-sama kelahiran bayi, ada akikahnya. Oleh itu, tumpahkanlah darah akikah bagi pihaknya dan buanglah kekotoran dan najis daripadanya."

(Hadith Riwayat Bukhari)

f. Hadith daripada Habib Bin as-Syahid

حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي الْأَسْوَدِ حَدَّثَنَا قُرَيْشُ بْنُ أَنَسٍ عَنْ حَبِيبِ بْنِ الشَّهِيدِ قَالَ أَمَرَنِي ابْنُ سِيرِينَ أَنْ أَسْأَلَ الْحَسَنَ مِمَّنْ سَمِعَ حَدِيثَ الْعَقِيْقَةِ فَسَأَلْتُهُ فَقَالَ مِنْ سَمْرَةَ بْنِ جُنْدَبٍ

Maksudnya :

Abdullah bin Abu al-Aswad telah berkata kepadaku, Quraisy bin Anas telah berkata kepada kami daripada Habib bin as-Syahid katanya "Ibnu Sirin telah menyuruhku untuk bertanyakan soalan pada al-Hasan berkenaan dari siapa ia mendengar tentang hadis akikah, maka aku pun bertanya kepadanya, maka beliau menjawab "dari Samurah bin Jundub".

(Hadith Riwayat Bukhari)

g. Hadith daripada Abu Hurairah r.a.

حَدَّثَنَا عَبْدَانُ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ أَخْبَرَنَا مَعْمَرٌ أَخْبَرَنَا الزُّهْرِيُّ عَنْ ابْنِ الْمُسَيَّبِ
عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : « لَا
فَرَاعَ وَلَا عَتِيرَةَ ». وَالْفَرَاعُ أَوَّلُ النَّتَاجِ ، كَأَنَّا يَذْبَحُونَهُ لِطَوَاغِيَّتِهِمْ ،
وَالْعَتِيرَةُ فِي رَجَبٍ

Maksudnya :

'Abdan telah berkata kepada kami, Abdullah telah berkata kepada kami, Ma'mar telah mengkhabarkan kepada kami, az-Zuhri telah mengkhabarkan kepada kami daripada Ibnu al-Musayyab daripada Abu Hurairah r.a. daripada Nabi SAW katanya : "Tiada fara' dan tiada 'atirah". Fara' adalah anak pertama seekor unta, dimana disembelihnya untuk sembahannya mereka, dan 'atirah adalah haiwan (kambing) yang disembelih pada bulan Rejab.

(Hadith Riwayat Bukhari)

h. Hadith daripada Abu Hurairah r.a.

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ قَالَ الزُّهْرِيُّ حَدَّثَنَا عَنْ سَعِيدِ بْنِ
الْمُسَيَّبِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : « لَا فَرَاعَ وَلَا
عَتِيرَةَ ». قَالَ وَالْفَرَاعُ أَوَّلُ نِتَاجِ كَانِ يُنْتَجُ لَهُمْ ، كَأَنَّا يَذْبَحُونَهُ لِطَوَاغِيَّتِهِمْ
، وَالْعَتِيرَةُ فِي رَجَبٍ

Maksudnya :

'Ali bin Abdullah telah berkata kepada kami, Sufyan telah berkata kepada kami katanya az-Zuhri telah berkata kepada kami daripada Sa'id bin al-Musayyab daripada Abu Hurairah daripada Nabi SAW katanya : "Tidak ada fara' dan tidak ada 'atirah". Beliau menjelaskan fara' ialah anak pertama seekor unta yang mereka sembelih untuk sembahannya mereka, dan 'atirah adalah haiwan sembelihan (kambing) yang disembelih dalam bulan Rejab.

(Hadith Riwayat Bukhari)

3. ANALISA PENGAMALAN MASYARAKAT TERHADAP AKIKAH MENURUT HADITH-HADITH DALAM KITAB KITAB SAHIIH BUKHARI

Pengkaji telah melaksanakan beberapa temubual dengan beberapa informen bagi mengkaji dan menganalisa pengamalan masyarakat terhadap sunnah akikah menurut perspektif hadis-hadis dalam kitab Sahih Bukhari. Maklumat yang diperolehi melalui temubual dengan informen dikumpul dan dianalisis. Berikut merupakan hasil dapatan kajian berdasarkan soalan-soalan yang dikemukakan kepada semua informen iaitu:

a. Pemahaman Informen Terhadap Maksud Akikah.

Hasil analisis temubual mendapati bahawa informen 2 dan informen 3 kurang mengetahui secara umum berkaitan dengan maksud akikah. Manakala informen 1 dan informen 4 dapat menjelaskan secara jelas berkenaan dengan maksud akikah iaitu penyembelihan binatang ternakan yang digadaikan untuk bayi yang baru lahir. Didapati bahawa informen 2 hanya perlu diperbetulkan dari segi pendapat beliau mengenai hukum melaksanakan akikah.⁵

b. Hukum Melaksanakan Akikah Terhadap Anak.

Menurut jawapan-jawapan yang diberikan oleh para informen, menunjukkan bahawa masyarakat masih mengetahui hukum yang rajih terhadap pelaksanaan ibadah akikah, iaitu sunat muakkad. Walaubagaimanapun, terdapat sebilangan masyarakat yang menganggap bahawa hukum melaksanakan ibadah akikah ini adalah wajib. Perkara ini berpandukan jawapan yang diberikan oleh informen 2.⁶

c. Mencukur Rambut Bayi Semasa Majlis Akikah.

Berpandukan jawapan yang diberikan oleh informen 1 dan informen 4, secara jelas menunjukkan bahawa mereka mengetahui galakan mencukur rambut bayi yang baru lahir secara sempurna. Bukan sekadar cukur sedikit sahaja, kemudian rambut yang tidak dicukur dibiarkan begitu sahaja. Walaubagaimanapun, jawapan kepada informen 2 dan informen 3 kurang jelas menunjukkan bahawa mereka mencukur rambut anak-anak mereka secara sempurna. Dengan itu, tidak dapat dipastikan bahawa informen 2 dan informen 3 menyebutnya dengan jawapan bahawa mencukur sepenuhnya atau sekadar sedikit sahaja cukur.⁷

d. Penamaan Terhadap Anak Sebelum Majlis Akikah Atau Selepas Majlis Akikah.

Hasil analisis temubual terhadap jawapan-jawapan informen untuk soalan ini menunjukkan bahawa masyarakat yang berbangsa Melayu sudah biasa dalam menamakan anak secara pasti walaupun sebelum hari yang ketujuh. Menurut informen 4,

⁵ Temubual yang dijalankan bersama informen pada tarikh 13 April 2018, jam 2130, 14 April 2018, jam 1415, 14 April 2018, jam 1430, 14 April 2018, jam 1445.

⁶ Temubual yang dijalankan bersama informen pada tarikh 13 April 2018, jam 2130, 14 April 2018, jam 1415, 14 April 2018, jam 1430, 14 April 2018, jam 1445.

⁷ Temubual yang dijalankan bersama informen pada tarikh 13 April 2018, jam 2130, 14 April 2018, jam 1415, 14 April 2018, jam 1430, 14 April 2018, jam 1445.

perkara ini sudah menjadi adat kebiasaan bagi orang Melayu, dimana mereka sudah menyiapkan nama yang sudah difikirkan untuk diisytiharkan selepas sahaja kelahiran anak. Walaubagaimanapun, perbuatan ini tidaklah menyalahi syari'at Allah kerana ia tidak berkait dengan akidah beriman kepada Allah SWT.⁸

e. **Siapa Yang Mentahnikkan Bayi Dan Apa Makanan Yang Disuapkan.**

Jika diteliti dan dianalisis pada jawapan-jawapan yang diberikan oleh informen, menunjukkan mereka mengetahui maksud dan konsep bagaimana tahnik itu dijalankan. Cuma masing-masing mempunyai pengalaman yang berbeza. Sebahagian besar informen tidak melaksanakannya terhadap kesemua anak-anak mereka. Informen 3 hanya mentahnikkan seorang sahaja anak beliau, manakala informen 1 tidak mentahnikkan seorang daripada lima anak-anak beliau. Tetapi informen 2 dan informen 4 melaksanakan proses mentahnik kepada setiap anak-anak mereka.⁹ Kurma menjadi pilihan semua informen dalam mentahnik bayi yang dilahirkan.

4. PENUTUP

Peranan ibubapa dalam menjaga kewibawaan anak yang baru dilahirkan bermula dari sekecil-kecil perkara hinggalah sebesar-besar perkara. Para ibubapa perlu mempersiapkan diri sepenuhnya dengan bermacam-macam perkara terutamanya perkara yang berkaitan dengan ilmu mensyukuri nikmat rezeki anak yang Allah SWT kurniakan.

Kita juga dapat melihat betapa besarnya tuntutan melaksanakan akikah dalam agama Islam. Ia bukan hanya sekadar hukum sunat, bahkan ia sunat muakkad, iaitu sunat yang dituntut pada setiap orang Muslim. Perlaksanaan ini bukan hanya sekadar untuk menggadaikan anak dengan akikahnya, bahkan tujuan sebenar melaksanakan akikah adalah sebagai satu perbuatan bagi ibubapa untuk menyatakan rasa syukur terhadap nikmat kurniaan anak yang Allah SWT beri. Walaubagaimanapun, perlaksanaan ibadah akikah tidak boleh dilaksanakan tanpa mengikut panduan-panduan yang diajar dalam agama Islam. Masyarakat tidak boleh sewenang-wenangnya melaksanakan akikah berpandukan akal logic mereka sendiri. Mereka perlu berusaha untuk mempelajari selok-belok syarat-syarat dalam melaksanakan akikah. Dengan itu, masyarakat Islam akan dapat melaksanakan ibadah akikah secara sempurna dan teratur.

Secara kesimpulan, hadis-hadis yang berkaitan dengan akikah yang terkandung di dalam Sahih Bukhari merupakan hadis-hadis yang berautoriti dan sesuai untuk diamalkan. Dengan mengenali dan mengetahui hadis-hadis tersebut, masyarakat akan mudah melaksanakan majlis akikah cukup sekadarnya yang diterima Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW. Walaupun begitu, perlu juga untuk kita mengetahui apakah penjelasan atau syarah daripada hadis-hadis

⁸ Temubual yang dijalankan bersama informen di kediamannya pada tarikh 13 April 2018, jam 2130, 14 April 2018, jam 1415, 14 April 2018, jam 1430, 14 April 2018, jam 1445.

⁹ Temubual yang dijalankan bersama informen di kediamannya pada tarikh 13 April 2018, jam 2130, 14 April 2018, jam 1415, 14 April 2018, jam 1430, 14 April 2018, jam 1445.

tersebut. Ini kerana ia akan meningkatkan tahap kefahaman terhadap hadis-hadis berkaitan akikah tersebut. Dapatan kajian adalah seperti berikut:

- a. Akikah merupakan amalan yang paling digalakkan untuk dilaksanakan dalam agama Islam. Dengan amalan akikah, bayi yang baru lahir diharap agar diberkati Allah SWT dan dikurniakan rahmat Allah yang Maha Luas.
- b. Amalan akikah dilaksanakan secara konsisten oleh masyarakat Islam. Tetapi mereka tidaklah melaksanakan dalam waktu yang dituntut untuk dilaksanakan akikah. Masyarakat hanya akan melaksanakan akikah secara afdal (selepas tujuh hari) apabila mereka mempunyai kewangan yang secukupnya. Jika tiada kewangan yang secukupnya pada waktu tersebut, mereka akan tangguhkan majlis akikah untuk anak dalam hari kesepuluh, atau hari ke seterusnya.
- c. Hadis-hadis berkaitan akikah dalam Sahih Bukhari telah menunjukkan beberapa amalan yang seiring dengan pengakikahan. Antaranya ialah memberi nama anak, mentahnik anak dan lain-lain.
- d. Amalan tahnik ialah amalan yang seiring dengan amalan ibadah akikah. Ia merupakan perbuatan memasukkan manisan ke dalam mulut bayi oleh orang-orang soleh. Dalam konteks hadis-hadis berkaitan akikah dalam Sahih Bukhari, Nabi Muhammad SAW telah mentahnikkan anak-anak yang lahir pada zaman Rasulullah masih hidup. Menurut dapatan kajian, didapati majoriti masyarakat Islam masih mengamalkan amalan tahnik. Cuma ia berbeza dari segi siapa yang mentahnikkan. Ada yang meminta orang-orang soleh mentahnikkan anak-anak mereka, dan ada yang mentahnikkan anak mereka sendiri. Namun, terdapat masyarakat Islam yang masih tidak mengetahui tentang amalan tahnik ini.
- e. Penamaan anak yang baru lahir merupakan sunnah Rasulullah SAW berdasarkan hadis Abu Musa al-Ash'ari r.a. Dinamakan anak tersebut selepas anak tersebut lahir ke atas muka bumi ini. Namun, didapati informen-informen telah siap-siap menamakan anak sebelum lahirnya mereka. Walaupun begitu, perkara ini tidaklah menyalahi syariat.
- f. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa informen mengetahui hukum yang rajih terhadap perlaksanaan akikah, iaitu sunat muakkad. Namun begitu, terdapat informen yang menganggap bahawa hukum melaksanakan akikah ini adalah wajib.
- g. Mencukur rambut bayi yang baru lahir juga merupakan satu amalan sunat yang dituntut untuk dilaksanakan seiring dengan perlaksanaan ibadah akikah terhadap anak yang baru lahir. Ia bukanlah setakat cukur sebahagian rambut di atas kepala, bahkan disunat untuk dicururkan kesemua rambut yang ada pada bayi yang baru lahir. Kajian mendapati bahawa kesemua informen melaksanakan cukur rambut terhadap bayi secara sepenuhnya.

Diharapkan hasil dapatan kajian ini dapat memberi manfaat terutamanya kepada para pelajar yang mengambil pengkhususan al-Quran dan al-Sunnah agar ilmu ini dapat diaplikasikan dengan baik dalam usaha menarik minat masyarakat mempelajari al-Quran dan al-Sunnah serta mendalami, memahami dan memartabatkan kehidupan Islam dalam kehidupan seharian mereka.

RUJUKAN

- Abu Muhammad. 2007. *Imam Al Bukhari*. Assalaam. Januari.
Al-Quran al-Karim
- Arfah Ibrahim. 2015. 'Aqiqah Dalam Perspektif Hadis Nabi SAW. *Jurnal Al-Mu'ashirah*. 12 : 1 : 88 – 102.
- Awangku Haizam Awangku Fazlee, Muhammad Zulfadhli Amir & Rabiatal Adawiyah Umar Syarifudin. 2013. *Siri Tokoh Hadis*. Johor Bahru. Perniagaan Jahabersa.
- Dr. Abdullah Nasih Ulwan. 2015. *Tarbiyatul Aulad Fil Islam, Mencorak Peribadi Awal Anak*. Jilid 1. Batu Caves. PTS Publishing House Sdn. Bhd.
- Dr. Ahamad Asmadi Sakat, Dr. Latifah Abdul Majid & Mohammad Fattah. 2013. Menyingkap Khazanah Sunnah Rasulullah SAW Menerusi Metodologi Takhrij Hadith & Pemahaman Mukhtalif Hadith. *Jurnal Ilmiah Berimpak*. 3 : 5 : 7 – 24.
- Dr. Taqiyuddin an-Nadawi al-Madhahiri. 2010. *Sohih Bukhari, Penyusunan, Kedudukan, Kelebihan dan Keistimewanya*. Johor Bahru. Majlis Agama Islam Negeri Johor.
- Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri. 2015. *Al-Fiqh Al-Manhaji, Ibadat Dalam Fiqh Al-Syafi'i*. Bandar Baru Bangi. Darul Syakir Enterprise.
- Fauzi Deraman. 2001. Ilmu Takhrij Al-Hadith : Pengertian, Sejarah dan Kepentingannya. *Jurnal Ushuluddin*. 14 : 55 – 64.
- Hamdani. 1990. *Nilai Hadis-Hadis Tentang Aqiqah Dalam Kutubus-Sittah*. Disertasi Sarjana. Fakultas Syari'ah, Institut Agama Islam Negeri (IAIN).
- Haziyah Hussin, Mohd Arif Nazri & Muhammad Faiz Fathi Asmori. 2017. Teknik Pencarian Hadith Dalam Kajian : Analisis Hadith Dalam Buku-Buku Motivasi Di Malaysia. *TAPIS*. 1 : 2 : 173 – 198.
- Iwan Najib. 2016. *Aqiqah Dalam Perspektif Fiqh Empat Mazhab*. Disertasi Strata Satu Sarjana. Fakultas Syari'ah dan Ilmu Hukum, Institut Agama Islam Negeri (IAIN).
- Jon Pamil. 2012. Takhrij Hadist : Langkah Awal Penelitian Hadist. *Jurnal Pemikiran Islam*. 37 : 1 : 52 – 72.
2015. *Kamus Dewan. Edisi Keempat*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kholimatus Sardiyah. 2014. *Pelaksanaan Aqiqah setelah Tujuh Hari (Studi Komparasi Majelis Tarjih Muhammadiyah dan Bahthul Masail Nahdhatul Ulama)*. Fakultas Syari'ah dan Hukum, Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Makmun. 2011. *Hadits Al-Bukhari Tentang Aqiqah Dalam Kitab Al-Jami' Al-Shahih (Kajian Sanad dan Matan)*. Disertasi Sarjana. Jurusan Ushuluddin, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri.
- Misbakhul Arifin. 2014. *Hadits-Hadits Tentang Aqiqah : Tela'ah Ma'anil Hadits*. Disertasi Sarjana. Fakultas Ushuluddin, Adab dan Dakwah, Institut Agama Islam Negeri (IAIN).

- Mohd Farid Ravi Abdullah & Mohd Norzi Nasir. 2010. *Hadis Empat Puluh An-Nawawi Dan Pengajarannya*. Bandar Seri Putra. Institut Kajian Hadis (INHAD).
- Muhammad Bin Ismail. 2011. *Sahih al-Bukhari*. Al-Mansurah. Maktabah Fayyadh.
- Muhammad Fitriador. 2015. Nilai-Nilai Pendidikan Islam Dalam Pelaksanaan Akikah dan Tasmiah Di Kel.Baamang Hulu Kec.Baamang Kab.Kotim. *Jurnal Studi Agama dan Masyarakat*. 11 : 1 : 23 – 27.
- Mujib Abdurrahman. 2013. Imam al-Bukhari dan Lafal al-Qur'an. *Jurnal Studi Agama dan Pemikiran Islam*. 11 : 119 – 131.
- Nafilatul Ilmiyyah. 2016. *Pemahaman Dan Implementasi Hadits-Hadits Aqiqah Pada Masyarakat Desa Kauman Kota Kudus*. Disertasi Sarjana. Fakultas Ushuluddin dan Humaniora, Universitas Islam Negeri Walisongo.
- Norwariza Mohd Hed. 2014. *Panduan Menyambut Cahaya Mata Dalam Islam*. Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd.
- Siti Suaibah. 1997. *Nilai Hadits-Hadits Aqiqah Dalam Sunan An-Nasa'i*. Disertasi Sarjana. Fakultas Ushuluddin, Institut Agama Islam Negeri (IAIN).
- Wisnawati Loeis. 2008. Imam Bukhari dan Metode Seleksi Hadits. *TURATS*. 4 : 1 : 30 – 39.